

06 FEBRUARI 2018

Tong jerikin RM2.05 juta

HARIAN METRO

Tong jerikin RM2.05 juta

■ Sindiket gagal seludup syabu 29kg ke perairan antarabangsa untuk diseludup ke Indonesia

Norzamira Che Noh
am@hmetro.com.my

Klang

Dadah disembunyikan di dalam tong jerikin sebelum diseludup keluar melalui perairan negara, itu adalah taktik yang dilakukan satu sindiket penyeludupan dadah bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

Bagaimanapun, kegiatan itu berjaya ditumpaskan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Sabtu lalu.

Timbalan Pengarah JSJN Bukit Aman, Datuk Kang Chez Chiang berkata, sindiket berkenaan ditumpaskan selepas tiga serbuan yang dilakukan sekitar daerah Klang antara jam 10.45 hingga 11.30 malam.

"Hasil serbuan, polis berjaya menahan empat lelaki berusia 27 hingga 44 tahun iaitu dua warga tempatan manakala dua lagi adalah warga Indonesia.

"Polis turut merampas 29 kilogram dadah dipercayai syabu dianggarkan bernilai RM2.05 juta yang disembun-



KANG (dua dari kanan) menunjukkan tong yang digunakan untuk menyimpan syabu.

bunyi di dalam tong jerikin yang diletakkan di dalam sebuah teksi milik salah seorang suspek yang di-

temui di Pulau Indah, di sini," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Selatan,

di sini, semalam.

Beliau berkata, tong jerikin berkenaan ditebuk di bahagian bawah dan 27 ketulan

mampat syabu dimasukkan ke dalamnya sebelum dibawa ke sempadan perairan negara berdekatan Aceh un-

“

Ahli sindiket membawa dadah ke perairan antarabangsa dan sebuah lagi bot dari negara jiran akan menunggu untuk mengambil bekalan dadah itu”

Kang

tuk diseludup ke Indonesia. “Difahamkan, ahli sindiket membawa dadah ke perairan antarabangsa dan sebuah lagi bot dari negara jiran akan menunggu untuk mengambil bekalan dadah itu.

“Hasil ujian air kencing yang dijalankan terhadap suspek, kita mendapati seorang lelaki tempatan dan seorang lelaki warga Indonesia positif dadah syabu,” katanya.

Chiang berkata, harga yang tinggi iaitu tiga kali ganda daripada harga pasaran tempatan dipercayai menjadi faktor sindiket itu menyeludup dadah ke Indonesia.

Katanya, kejayaan serbuan berkenaan adalah hasil perkongsian maklumat bersama Badan Narkotika Nasional, Indonesia.